

**TAHAP KEBERKESANAN USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN OLEH PENDUDUK
KAMPUNG SEGAMAT, JOHOR BAGI MENINGKATKAN SUMBER
PENDAPATAN MEREKA MELALUI BIDANG PERTANIAN**

Muhammad Rashid Bin Rajuddin & Mohd Dzulfadli Bin Mohamad Saleh
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini adalah berkenaan tahap keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh penduduk kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian. Antara usaha-usaha yang difokuskan ialah keberkesanan penggunaan teknologi dalam pertanian, usaha dalam menguruskan kewangan mereka, usaha dalam pemasaran yang telah dilakukan dan usaha dalam latihan atau kursus yang pernah disertai oleh mereka. Kajian ini adalah berbentuk diskriptif yang menerangkan fenomena atau keadaan semasa. Instrumen kajian yang digunakan ialah temuduga berstruktur yang diberikan kepada seramai 30 orang petani di kampung-kampung Segamat, Johor. Data-data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 12.0. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keberkesanan program latihan pertanian dan strategi pemasaran adalah berada di tahap yang rendah. Tetapi, tahap keberkesanan pengurusan kewangan dan penggunaan teknologi berada di tahap yang sederhana. Beberapa cadangan telah dibuat seperti menggalakkan penggunaan bioteknologi dan terdapat juga model pertanian yang dibuat oleh penyelidik untuk memudahkan usahawan tani ini Berjaya dalam bidang mereka. Hasil dapatan kajian dan model ini diharapkan dapat membantu kajian-kajian lanjutan dan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan tani.

Abstract: This research is conducted to survey the efforts taken by Kampung Segamat residents and its level of effectiveness to increase their source of income through farming. Among the efforts focused is the effectiveness of technology usage in farming, efforts in managing their finance, efforts in marketing and training or courses attend by these residents. This research is in a descriptive form which explains about the current phenomena or situation. Researcher used the questionnaire to conduct an interview to the 30 respondents whom are farmers from villages at Segamat, Johor. Data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 12.0. The outcome of the research shows that the effectiveness in farming training programmes and marketing strategy is at a low level. Despite that, the level of effectiveness in finance management and technology usage is at an average level. Researcher proposed to encourage the usage of biotechnology and researcher also came up with a farming Model to help farming entrepreneurs to succeed in thier field. Researcher hopes that, the outcaome of this research and Model can help in further research and solve problems faced by farming entrepreneurs.

Katakunci: sumber pendapatan, pertanian

Pengenalan

Sasaran utama pembangunan pengeluaran agro-makanan dan pemprosesan hiliran di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah untuk meningkatkan lagi golongan petani, penternak dan nelayan moden secara komersial serta “agro-entrepreneurs” untuk menerajui pembangunan agro-makanan yang “private-sector driven” tanpa mengabaikan petani tradisional yang akan ditingkatkan kapasiti dan keupayaan pengeluaran mereka agar dapat diserapkan dalam proses transformasi ini supaya dapat meningkat produktiviti dan pendapatan mereka sekaligus dapat mengurangkan masalah kemiskinan di negara. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah selari dengan harapan tumpuk pimpinan negara

untuk merevolusikan dan mengindustrikan sektor pertanian ini supaya menjadi lebih moden, dinamik dan berdaya saing di mata dunia.

Pernyataan Masalah

Pertanian adalah salah satu bidang yang semakin berkembang pesat di Negara Malaysia dengan kepelbagaiannya penggunaan teknologi dan pengurusan dalam melaksanakannya. Selaras dengan itu juga, kerajaan Malaysia telah merancang beberapa strategi dan peruntukan kepada bidang pertanian dalam Rancangan Malaysia ke- 9. Beberapa insentif dan transformasi telah dirancang untuk memajukan sektor pertanian ini. Antaranya ialah transformasi daripada penggunaan tenaga buruh kepada penggunaan teknologi dan strategi dwi-pertanian yang dijangka dapat menjana pendapatan usahawan tani dengan lebih baik.

Bidang pertanian dilihat dapat mengurangkan masalah pengangguran dan masalah rakyat yang miskin. Ini jelas dengan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dan Industri Asas Tani Malaysia yang menunjukkan bahawa bidang pertanian ini adalah salah satu jentera kepada pendapatan negara. Rakyat Malaysia seharusnya sedar bahawa peluang ini perlu diambil dan berhenti dengan sifat bermalasan dalam bekerja yang hanya memikirkan bahawa “kerja makan gaji” sudah cukup untuk mereka dan yang terbaik bagi mereka.

Oleh yang demikian dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji apakah tahap keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh penduduk kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan:

- 1 Mengenalpasti tahap keberkesanan dalam pengurusan kewangan oleh penduduk Kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian.
- 2 Mengenalpasti tahap keberkesanan dalam penggunaan teknologi bagi meningkatkan sumber pendapatan melalui bidang pertanian.
- 3 Mengenalpasti tahap keberkesanan dalam latihan yang diikuti oleh penduduk Kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian.
- 4 Mengenalpasti tahap keberkesanan dalam strategi pemasaran produk pertanian bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian.
- 5 Mengenalpasti tahap keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh penduduk kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian mengikut umur para petani.

Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian dan penyelidikan ini maka diharapkan ianya akan dapat dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu. Terdapat juga beberapa manfaat yang diperolehi hasil daripada kajian yang dijalankan. Antaranya:

- 1 Dapat memberikan gambaran tentang keberkesanan penggunaan teknologi dalam meningkatkan keluaran hasil pertanian sekaligus meningkatkan sumber pendapatan golongan petani.
- 2 Dapat menerangkan tentang kepentingan pengurusan kewangan dalam melaksanakan aktiviti pertanian justeru memberikan peningkatan dalam pendapatan golongan petani.
- 3 Dapat memberi kesedaran kepada para petani tentang kepentingan menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh kerajaan dalam bidang pertanian.
- 4 Dapat memperjelaskan tentang keberkesanan dalam strategi pemasaran produk pertanian mereka bagi meningkatkan sumber pendapatan melalui bidang pertanian.
- 5 Dapat menerangkan tentang tahap keberkesanan tahap keberkesanan usaha-usaha penduduk kampung Segamat, Johor dalam meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian mengikut umur para petani.

Skop Kajian

Skop kajian ini dijalankan di kampung-kampung sekitar daerah Segamat, Johor yang melibatkan penduduk-penduduk yang mengusahakan perusahaan pertanian. Mereka adalah terdiri daripada golongan petani samada yang mengusahakan pertanian secara sepenuh masa atau separuh masa.

Bidang pertanian yang diusahakan petani adalah tertumpu kepada bidang pertanian jenis makanan iaitu tanaman jenis sayur-sayuran dan buah-buahan. Pengkaji memfokuskan bidang pertanian ini kerana ianya selaras dengan cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin mengenai pewujudan Taman Kekal Pertanian Makanan (TKPM) yang mana untuk melaksanakan projek pertanian khususnya sayur-sayuran, tanaman singkat masa dan buah-buahan secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi.

Matlamat projek ini ialah untuk mewujudkan zon kekal bagi pengeluaran tanaman makanan yang dapat menyumbang kepada pengeluaran makanan negara yang mencukupi, berkualiti dan mapan disamping menggalakkan pembangunan rantaian bekalan makanan secara bersepadu.

Metodologi

Populasi Dan Sampel

Populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Populasi menentukan bidang masalah yang perlu dikaji. Populasi menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpul dan dianalisis (Mohd. Najib, 2003). Contohnya penduduk kampung di Segamat, Johor ialah satu kumpulan masyarakat yang digolongkan dalam satu populasi.

Teknik pensampelan yang digunakan ialah dengan menggunakan teknik rumusan yang dianjurkan oleh bahagian penyelidikan National Education Association seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan saiz sampel kajian. Rumus yang digunakan adalah seperti berikut:

$$S = \frac{x^2 NP}{d^2} (N-1) + x^2$$

Di mana:

S = Saiz sampel

x^2 = Nilai chi-square pada darjah kebebasan pada aras keyakinan yang dierlukan 0.05 (3.841)

N = saiz populasi

P = Nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 bagi memberi saiz sampel yang maksimum)

d^2 = Darjah ketepatan dinyatakan sebagai nisbah 0.05.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang dilakukan ialah dengan menggunakan kaedah menemubual responden secara perseorangan atau bersemuka dengan responden tersebut. Ini kerana majoriti responden yang akan dijumpa adalah penduduk kampung yang berlatar belakang kurang pendidikan dan golongan yang sudah berumur. Pengkaji mendapat maklumat tentang responden adalah melalui Pejabat Pertanian Daerah Segamat yang mana responden telah mendaftar untuk melakukan perusahaan pertanian dan memohon beberapa bantuan dari Pejabat Pertanian Daerah. Antara kelebihan dalam kaedah ini ialah kerana temubual bersifat fleksibel iaitu dengan memerhati responden dan situasi mereka semasa memberikan jawapan.

Selain itu juga soalan-soalan dapat diulang apabila maksudnya tidak jelas atau responden kurang faham tentang soalan-soalan yang diberikan. Penemubual juga dapat memperolehi informasi yang lebih daripada responden apabila jawapan yang diperolehi tidak sempurna atau tidak relevan. Interaksi bersemuka mampu membimbing pertumbuhan perhubungan dan peringkat motivasi di kalangan responden yang lebih ramai. (Azizi Yahaya *et al.*, 2006)

Kaedah temubual dalam kajian ini ialah kaedah temubual berstruktur. Menurut George J. Mouly (1970), temubual berstruktur berguna untuk menentukan lebih tepat atau terperinci perkara yang umum dalam peringkat yang berikutnya. Ini bermaksud masalah semasa dapat dikenalpasti dan dispesifikkan untuk memudahkan responden memahami dan tidak berfikir lama untuk menjawab soalan kajian.

Dalam kajian ini, penyelidik telah membuat solan temubual berstruktur dengan sendiri mengikut pengalaman dan bacaan penyelidik. Soalan tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar dalam bidang pertanian iaitu Dr Yahya bin Buntat. Beliau adalah seorang pensyarah di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai.

Bahagian A

Soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat peribadi responden. Item-item yang terdapat di dalam bahagian A adalah seperti di bawah :

- i. Umur
- ii. Jantina
- iii. Taraf perkahwinan
- iv. Bangsa
- v. Jenis pertanian
- vi. Nama kampung / tempat tinggal
- vii. Pendapatan Minimum bulanan.
- viii. Pendapatan maksimum bulanan.
- ix. Purata pendapatan.

Bahagian B

Soalan-soalan yang berkaitan dengan latarbelakang masalah iaitu soalan berkenaan dengan pengurusan kewangan, penggunaan teknologi, pertanian dari segi pemasaran dan latihan pertanian atau keusahawanan yang pernah diikuti.

Keputusan

Soalan kajian 1 yang menerangkan tahap keberkesanan bagi pengurusan kewangan mencatatkan 62.2% menyatakan YA dan 37.8% menyatakan TIDAK. Ini menunjukkan kebanyakan petani membuat pengurusan kewangan. Soalan kajian 2 pula menyatakan bahawa sebanyak 76.3% menyokong dan 23.7% tidak menyokong keberkesanan dalam penggunaan teknologi di bidang pertanian.

Seterusnya, soalan kajian 3 menunjukkan bahawa sebanyak 31.4% menyokong program latihan pertanian dan 68.6% tidak menyokongnya. Ini menunjukkan kebanyakan petani tidak mengikuti program-program dan latihan pertanian atau keusahawanan. Bagi soalan kajian 4 pula, sebanyak 52.2% menyokong dan 47.8% tidak menyokong strategi pemasaran dalam bidang pertanian.

Kesimpulannya, soalan kajian 1 dan 2 mencatatkan jumlah peratusan purata yang tinggi berbanding soalan kajian-kajian yang lain. Ini bermakna kebanyakan petani melakukan pengurusan kewangan dan menggunakan teknologi dalam bidang pertanian mereka. Akan tetapi, mengikut kriteria penilai skor oleh Majid Konting (1990), skor yang dicatatkan oleh soalan kajian 1 dan 2 masih lagi berada di tahap yang sederhana.

Perbincangan

Latarbelakang Responden

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bidang pertanian ini kebanyakannya adalah dari golongan dewasa dan tua yang mana menunjukkan sebanyak 40% yang berumur 41-50 tahun dan hanya 6.7% sahaja yang berumur 21-30 tahun. Kebanyakan mereka adalah lelaki dan hanya 10% sahaja wanita. Ini menunjukkan minat golongan muda tidak cenderung kepada bidang pertanian yang sebenarnya bidang ini memerlukan tenaga kerja yang kuat dari golongan muda. Apabila sektor ini diusahakan oleh golongan berumur, maka produk yang dihasilkan tidak sama dengan golongan yang mempunyai kesihatan yang baik dan tenaga kerja yang kuat. Hasilnya, produktiviti dan kualiti produk akan menurun dan matlamat menjadikan sektor ini sebagai tunjang ekonomi Negara adalah sukar untuk kita capai.

Seterusnya, bangsa Melayu lebih ramai menceburi bidang ini berbanding dengan bangsa lain seperti Cina dan India. Ini kerana kawasan kampung di daerah Segamat kebanyakannya diduduki oleh orang Melayu tetapi kaum Cina dan India hanya sebilangan kecil sahaja. Kaum India lebih menjurus kepada bidang pertanian lading getah dan kaum Cina lebih menjurus kepada penanaman sayur-sayuran.

Kesemua responden yang ditemui adalah sudah berkahwin dan mempunyai anak sebagai tanggungan. Pendapatan minimum yang mereka perolehi adalah antara RM0-RM500 sebulan iaitu sebanyak 76.7% pernah mendapat julat pendapatan seperti itu. Mungkin inilah yang ditakuti oleh golongan muda kerana tidak mempunyai pendapatan yang konsisten dan yang paling teruk adalah tidak dapat menampung keluarga dengan pendapatan yang sedikit itu. Akan tetapi sebanyak 33.3% usahawan tani ini pernah mendapat lebih daripada RM2001 sebulan dan sebanyak 23.3% usahawan tani ini berpendapatan purata sebulan antara RM1001-RM2000. Ini juga telah membuktikan bahawa sektor pertanian bukanlah satu sektor yang menggolongkan kita kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Ini kerana ianya bergantung kepada usaha mereka dan peluang yang ada, sama ada mereka bijak dalam menggunakan ataupun tidak.

Persoalan Kajian Pertama: Apakah tahap keberkesanan bagi pengurusan kewangan oleh penduduk Kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian?

Hasil daptaran kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap keberkesanan bagi pengurusan kewangan oleh penduduk kampung Segamat, Johor dalam meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian adalah berada di tahap yang sederhana iaitu mencatatkan hanya sebanyak 62.2%. Ini adalah berpandukan kepada Kriteria Penilai Skor yang telah ditetapkan oleh kajian Majid Konting (1990) yang telah diterangkan oleh penyelidik dalam bab 3. Hanya 62.2% sahaja yang menguruskan kewangan mereka dalam meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian. Mereka ini telah melakukan berbagai usaha dalam meningkatkan produktiviti di bidang yang diceburi iaitu di bidang pertanian yang kebanyakannya adalah kebun sayur-sayuran.

Antara usaha-usaha yang dilakukan adalah dengan meminjam wang dari bank, rakan-rakan mereka dan golongan yang bertanggungjawab seperti Pejabat Pertanian. Mereka juga ada menggunakan elaun-elaun pertanian dan bantuan yang disediakan oleh pejabat pertanian daerah Segamat seperti elaun permulaan pertanian dan bantuan seperti bantuan baja, biji benih dan bantuan teknologi seperti traktor untuk pembajakan tanah.

Akan tetapi masih ada juga diantara mereka yang tidak menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab iaitu sebanyak 37.8%. Mereka ini lebih suka berdikari dan menggunakan wang sendiri daripada menggunakan elaun-elaun yang disediakan. Apabila penyelidik bertanyakan soalan mengapa mereka berpendapat sedemikian sedangkan menggunakan bantuan adalah lebih mudah berbanding dengan mengusahakannya secara bersendirian, mereka menjawab mereka malas untuk berurusan dengan pegawai yang terlibat kerana terlalu banyak prosedur dan prosesnya lambat dan tidak konsisten.

Ada juga yang mengadu mengatakan bahawa mereka tidak membuat pinjaman dan permohonan bantuan kerana mereka pernah melakukan sedemikian tetapi duit dan bantuan tidak sampai kepada mereka. Mereka sendiri tidak tahu ke manakah duit dan bantuan itu telah disalurkan. Mereka mengatakan apabila mereka bertanya kepada pegawai yang bertugas, pegawai itu mengatakan bantuan itu belum sampai kepada mereka sedangkan sudah hampir 5 tahun permohonan dilaksanakan. Ini juga menunjukkan ketidakcekapan pegawai yang bertugas telah mempengaruhi para petani untuk tidak memohon bantuan.

Kebanyakan mereka yang tidak memohon bantuan daripada Pejabat Pertanian Daerah mempunyai pendapatan yang sedikit dan tidak pernah mencecah ke tahap RM2000 ke atas. Ini berkemungkinan disebabkan kesesakan sumber kewangan untuk dijadikan sebagai modal bagi memulakan pertanian mereka. Ini juga menyebabkan mereka terpaksa menggunakan hasil pendapatan bersih mereka kearah pengembangan usaha dalam meningkatkan produktiviti pertanian mereka. Antaranya dari segi pembelian alat-alat yang mahal seperti pam air, mesin rumput, dan bahan-bahan seperti baja dan benih yang baik. Ada juga petani yang terpaksa membeli baja yang baik tersebut di kawasan yang jauh seperti di Batu Pahat dan Pontian.

Telah menjadi “fitrah” kepada keadaan seseorang yang berniaga atau usahawan, mereka akan membuat akaun yang khas untuk perusahaan mereka. Sebanyak 76.7% daripada para petani membuat akaun dalam menguruskan keluar masuk wang mereka apabila mereka mendapat keuntungan daripada hasil pertanian mereka. Sebanyak 50% diantara mereka ada merekodkan kerugian dan keuntungan mereka serta melakukan strategi dwi-pertanian untuk meningkatkan pendapatan. Usaha yang dilakukan oleh para usahawan tani ini selaras dengan pendapat J.L. Hanson (1970) yang mengatakan bahawa, wang merupakan alat yang diperlukan dalam sesuatu pertukaran atau perniagaan dan memandangkan peranan kewangan yang begitu penting dalam perniagaan, seseorang usahawan seharusnya dapat menguasai

kemahiran pengurusan kewangan dengan baik. Ini termasuklah dari segi pengurusan keluar masuk wang, rekod bagi untung rugi, rekod modal sedia ada dan akan datang.

Pendapat ini juga disokong oleh Premanandan (2000) yang mengatakan bahawa pengurusan kewangan yang cekap, tepat dan sistematik sangat perlu supaya semua perbelanjaan dan pendapatan perniagaan serta hutang perniagaan dapat dikawal dan diurus dengan baik. Biasanya peniaga perlu menyediakan set akaun yang teratur untuk merekod semua urus niaga yang berlaku dalam perniagaan untuk sesuatu tempoh tertentu. Perekodan dalam set akaun perlulah secara teratur dan secara berasingan untuk setiap urusniaga. Merekod secara sistematik akan membantu prestasi dapat dinilai oleh pihak lain, khususnya pihak bank.

Selaras dengan itu, Abdul Aziz Yusof (2001) menyatakan kepentingan pengurusan kewangan kepada usahawan ialah penyimpanan rekod kewangan. Penyimpanan sistem perakaunan yang teratur adalah amat penting bagi menentukan keuntungan perniagaan. Adalah penting bagi usahawan untuk mempunyai pengetahuan didalam bidang perakaunan. Namun terdapat alternatif lain yang boleh diambil seperti mengambil pembantu yang arif di bidang ini. Akan tetapi, bagi usahawan tani yang masih diperangkat permulaan adalah sukar bagi mereka untuk mengambil pembantu yang arif dalam pengurusan rekod kewangan. Ini kerana bajet mereka terlalu terhad dan adalah lebih baik sekiranya mereka membuat rekod itu sendiri dengan menghadiri latihan keusahawanan yang telah disediakan oleh kerajaan. Abdul Aziz Yusof juga mengatakan bahawa belanjawan tunai adalah penting bagi usahawan untuk membuat ramalan tentang keperluan kewangan perniagaannya. Selain itu belanjawan ini juga dapat menunjukkan aliran tunai masuk dan tunai keluar. Ia secara tidak langsung dapat mengawal keperluan kewangan perniagaan dari masa ke semasa.

Persoalan Kajian Kedua : Apakah tahap keberkesanan dalam penggunaan teknologi bagi meningkatkan sumber pendapatan penduduk kampung Segamat, Johor melalui bidang pertanian?

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap keberkesanan dalam penggunaan teknologi bagi meningkatkan sumber pendapatan penduduk kampung Segamat, Johor melalui bidang pertanian adalah masih lagi berada ditahap yang sederhana iaitu sebanyak 76.3%. Mengikut Kriteria Penilai Skor yang telah ditetapkan oleh kajian Majid Konting (1990) tahap sederhana adalah pada 60–79%. Akan tetapi ini menunjukkan para petani mempunyai kesedaran dalam menggunakan teknologi di bidang pertanian mereka kerana peratusan itu tidaklah begitu banyak bezanya. Semasa penyelidik menemuramah para petani tersebut. Kebanyakan mereka sedar bahawa penggunaan teknologi semasa membantu dan memudahkan mereka dalam bidang pertanian yang mereka lakukan.

Antara penggunaan teknologi yang mereka lakukan ialah majoriti para petani menggunakan traktor dalam bidang pertanian mereka. Sebanyak 80% para petani yang ditemui menggunakan traktor untuk membajak tanah di awal permulaan pertanian mereka. Mereka juga menggunakan traktor tersebut untuk membersihkan kebun mereka yang mana apabila semua tanaman-tanaman mereka ingin dimusnahkan bagi memulakan pertanian dan tanaman yang baru. Contohnya jika sebelum ini mereka mengusahakan tanaman ubi dan pisang, apabila mereka ingin menanam sayuran, mereka akan menggunakan traktor untuk memusnahkan tanaman ubi dan pisang yang telah habis dituai hasilnya. Mereka juga akui bahawa menggunakan teknologi ini mempercepatkan penghasilan produk mereka. Akan tetapi sepanjang penyelidik menemuramah para petani ini, semua antara mereka hanya menyewa sahaja traktor pembajak tersebut. Ini kerana mereka tidak mampu untuk membeli traktor tersebut dengan wang pendapatan sendiri memandangkan traktor tersebut berharga ratusan ribu ringgit.

Bagi tujuan penghantaran produk pula sebanyak 63.3% para petani di daerah Segamat menggunakan lori bagi tujuan penghantaran produk pertanian mereka. Mereka menggunakan lori kerana dengan kenderaan ini dapat mempercepatkan lagi penghantaran dan penjualan di gerai, pasar dan kawasan jual beli mereka dengan kuantiti produk yang lebih banyak. Ini juga sekaligus dapat menjimatkan masa, tenaga dan wang

para petani itu sendiri. Ini kerana jika mereka hanya menggunakan bakul yang hanya diikat di motor atau basikal mereka, kuantiti produk yang akan dijual hanya sedikit jika dibandingkan dengan lori yang mungkin boleh membawa 5 hingga 10 kali ganda daripada kuantiti produk yang hanya dibawa di dalam bakul.

Usaha yang dilakukan oleh para petani ini adalah selaras dengan pendapat Michael Haines (1982) yang mengatakan bahawa mekanisasi ini telah membawa beberapa perubahan besar dalam bidang pertanian dan perladangan. Pengenalan kepada traktor bukan sahaja membenarkan kerja dilakukan dengan lebih cepat malahan menjimatkan masa jika dibandingkan dengan penggunaan kuda yang mana perlunya memberi kuda tersebut makan dan untuk menjinakkannya. Di dalam Negara Malaysia, peralatan tradisional yang kurang efektif bagi tujuan membajak tanah adalah dengan menggunakan pembajak haiwan iaitu menggunakan kerbau dan lembu sebagai penarik pembajak tersebut. Sejak kewujudan traktor, kerja-kerja pembajak ini tidak lagi dilakukan oleh haiwan tersebut tetapi digantikan dengan traktor yang dapat menjimatkan masa dan mempunyai kuasa membajak yang tinggi dan berkesan.

Selain daripada itu, kebanyakan para petani iaitu 90% daripada para petani menggunakan pam air untuk menyiram tanaman mereka. Menggunakan pam adalah lebih mudah, cepat dan dapat menjimatkan tenaga daripada menyiramnya secara manual. Ianya juga dapat menjimatkan masa penyiraman dan masa yang selebihnya dapat digunakan untuk melakukan kerja-kerja lain seperti menuai hasil pertanian, membersihkan kebun dan ladang.

Selaras dengan pendapat Michael Haines (1982) lagi, prinsip objektif bagi mekanisasi adalah untuk mengurangkan tenaga buruh, memansuhkan kerja secara manual, masa dan memperbaiki kualiti pertanian, menghasilkan pengeluran yang tinggi dan berkualiti, serta meningkatkan pendapatan. Penggunaan pam air, sudah dapat menyelesaikan beberapa masalah pertanian iaitu masa dan tenaga. Penyiraman secara automatik dan menyeluruh kepada seluruh tanaman yang ditanam dalam satu masa telah dapat menjimatkan masa dan tenaga para petani dan sekaligus dapat membantu para petani menghasilkan produk mereka dengan lebih cepat dan banyak.

Selain itu, peralatan tradisional yang masih kekal digunakan oleh para petani iaitu sebanyak 96.7% akibat daripada kesan yang efektif dan ekonomik ialah penggunaan peralatan seperti cangkul, pisau, parang dan gunting. Walaupun peralatan ini telah digunakan sejak zaman dahulu lagi, akan tetapi ianya masih lagi boleh digunakan kerena dapat memberikan kesan penggunaan yang ekonomik. Terdapat juga mesin-mesin pemotong buah dan penuai di era masa kini, akan tetapi para petani di daerah Segamat ini tidak menggunakan peralatan tersebut kerana produk mereka hanya dipasarkan di dalam negara sahaja manakala kebiasaannya mesin-mesin penuai itu digunakan untuk tujuan produk yang dimport sahaja.

Secara kesimpulannya, penggunaan teknologi ini sebenarnya dapat memberikan banyak kesan yang positif kepada peningkatan hasil produk dari segi kualiti, masa, modal dan tenaga. Ini juga telah terbukti dengan beberapa pendapat tokoh-tokoh terdahulu dalam penggunaan teknologi yang efektif kepada pertanian. Akan tetapi, tahap keberkesanannya usaha-usaha yang dijalankan oleh para petani di daerah Segamat, Johor hanya berada di tahap sederhana iaitu 76.3% sahaja. Ini bermakna para petani ini kurang menggunakan teknologi yang dapat membantu mereka dalam mengusahakan pertanian mereka. Ini kerana penggunaan teknologi yang terkini kebanyakannya adalah sesuai dengan saiz kebun yang besar atau ladang yang mana diusahakan secara besar-besaran sehingga produknya akan dieksport ke luar negara. Ianya memerlukan teknologi yang baik dan berkesan kerana ianya menjamin kualiti produk yang baik.

Persoalan Kajian Ketiga : Apakah tahap keberkesanan program latihan pertanian dalam meningkatkan pendapatan penduduk kampung Segamat, Johor melalui bidang pertanian?

Setelah analisis data dijalankan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keberkesanan program latihan pertanian dalam meningkatkan pendapatan penduduk kampung Segamat, Johor melalui bidang pertanian berada di tahap yang rendah iaitu 31.4%. Hanya 10% sahaja para petani yang ditemuduga yang pernah mengikuti latihan keusahawanan dan hanya 3.3% pernah mengikuti kursus penggunaan teknologi dalam pertanian. Ini menunjukkan bahawa para petani ini tidak memerlukan latihan seperti ini yang terlalu banyak untuk mengusahakan pertanian yang diusahakannya. Mereka hanya perlu bertanya kepada rakan-rakan tani yang lain untuk menimba ilmu dan kemahiran yang mereka ingin tahu.

Mereka juga berkata bahawa kaedah ini lebih memudahkan mereka dan menjimatkan masa. Mereka hanya perlu datang melawat ladang atau kebun rakan tani mereka tersebut dan melihat sendiri keadaan sebenar pertanian yang sudah menjadi atau yang telahpun menghasilkan produk. Kaedah ini bagi mereka lebih memudahkan dan dapat memperolehi ilmu secara teori dan praktikal dengan cepat. Ini terbukti dengan 96.7% daripada petani tersebut bertanya kepada rakan-rakan mereka untuk mendapatkan ilmu dan latihan dalam membantu pertanian mereka.

Selain itu juga, kesemua petani iaitu 100% tidak pernah mempunyai sijil Skim Amalan Ladang Malaysia (SALM). Ini juga menunjukkan mereka kurang berminat terhadap kursus ini memandangkan pertanian yang diusahakan oleh mereka bukannya untuk penghasilan produk yang besar. Mereka berpendapat kursus ini hanya sesuai untuk para petani yang mempunyai saiz ladang yang besar yang mana mendapat kontrak untuk menghasilkan dan menjual produk mereka ke luar negara.

Walaubagaimanapun, para petani ini juga ada yang mengikuti kursus pertanian yang disediakan oleh Pejabat Pertanian iaitu sebanyak 63.3%. Kursus pertanian yang disediakan mendapat respon yang baik oleh para petani kerana mereka akui sangat membantu mereka dalam mengawal selia pertanian mereka. Ada diantara petani ini juga yang pernah mengikuti kursus bioteknologi dalam pertanian yang mana telah memberikan pendedahan kepada beliau cara atau kaedah untuk mananam menggunakan kaedah rumah hijau.

Beliau juga diajar bagaimana untuk menghasilkan baja organik menggunakan sisa makanan. Baja ini mengandungi bakteria yang aktif yang dapat membantu tumbesaran tumbuhan dan dapat menghasilkan produk yang baik dan bermutu. Kaedah ini tidak memerlukan teknologi yang tinggi yang mana petani itu hanya perlu menapai sisa makanan yang diselia mengikut prosedur yang telah dipelajari sepanjang kursus pertanian tersebut.

Jika semua petani pernah menghadiri kursus pertanian seperti ini, mereka akan dapat mengurangkan kerugian mereka akibat pokok yang mati dan produk yang kurang kualitinya akibat pengurusan pertanian yang kurang cekap. Ini juga selaras dengan pendapat Burth (1972) yang menyatakan bahawa usahawan perlulah cuba menimba ilmu pengetahuan seberapa banyak yang mungkin kerana pengetahuan ini merupakan pemangkin kepada perkembangan proses pemikiran, keupayaan membuat keputusan, berfikiran secara analisis dan mengarah kepada pembentukan hipotesis. Apabila mereka mengamalkan pertanian dan perniagaan mereka dengan ilmu, maka sudah tentu dapat memberikan kualiti produk yang baik kerana seseorang yang berilmu itu melakukan sesuatu perkara dengan yakin dan dengan kaedah yang betul.

Kesimpulannya, tahap keberkesanan program latihan pertanian dalam meningkatkan pendapatan penduduk kampung Segamat, Johor melalui bidang pertanian adalah di tahap yang sederhana. Latihan yang disediakan perlulah bersesuaian dengan perusahaan petani itu sendiri. Jika mereka mengusahakannya dengan secara besarbesaran, maka latihan yang diperlukan juga perlulah lebih baik dan

banyak. Para petani di kampung-kampung daerah Segamat, Johor ini kebanyakannya mengusahakan saiz pertanian yang sederhana dan kecil-kecilan kerana mereka hanya mensasarkan produk mereka dijual di dalam daerah Segamat sahaja.

Akan tetapi, menjadi tanggungjawab seseorang pengusaha atau peniaga untuk menimba ilmu sebanyak mungkin kerana ianya mungkin akan dapat memberikan jalan kepada mereka jika mereka hadapi masalah dalam bidang mereka iaitu di bidang pertanian dan perniagaan. Allah s.w.t menyebut dalam al-Quran yang bermaksud: “*Allah akan mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan mempunyai ilmu pengetahuan dari kalangan kamu dengan beberapa darjat*” (Al-Mujaadilah 58:11). Islam sendiri memandang tinggi orang yang berilmu pengetahuan kerana mereka yang berilmu akan sentiasa berkeyakinan dalam bidang yang diceburi itu.

Persoalan Kajian Keempat : Apakah tahap keberkesanan dalam strategi pemasaran bagi meningkatkan pendapatan penduduk kampung Segamat, Johor melalui bidang pertanian?

Dapatkan kajian telah menunjukkan bahawa tahap keberkesanan strategi pemasaran bagi meningkatkan pendapatan penduduk kampung Segamat, Johor melalui bidang pertanian adalah berada ditahap yang rendah iaitu hanya 52.2%. Mengikut Kriteria Penilai Skor oleh Majid Konting (1990) skor tahap yang rendah adalah diantara 0–59%.

Diantara usaha-usaha yang dijalankan oleh para petani ini ialah menjual produk pertanian mereka kepada pembekal pertanian untuk menjimatkan masa mereka menjual produk tersebut iaitu sebanyak 73.3% orang petani. Kaedah ini menjimatkan masa kerana mereka hanya perlu menghantar produk mereka untuk dijualkan kepada pembekal dan pemborong dan tidak perlu menghabiskan masa untuk menunggu pelanggan. Masa yang selebihnya mereka akan gunakan untuk menguruskan kebun mereka.

Akan tetapi mereka juga sering memasarkan produk pertanian mereka di gerai mereka sendiri untuk membantu mlariskan lagi jualan mereka. Jika mereka terlalu mengharapkan keuntungan daripada pembekal pertanian, mereka akan sukar untuk mendapatkan pulangan modal yang banyak. Oleh yang demikian sebanyak 70% orang petani ini membuka gerai mereka sendiri untuk menjual produk pertanian mereka. Ada juga para petani yang membuka kiosk di tempat-tempat yang mempunyai ramai orang untuk menjual produk pertanian mereka. Kaedah ini selari dengan pendapat L.DeVere Burton dan Elmer L. Cooper (2000) yang menyatakan bahawa seseorang pengusaha boleh menjual produk mereka melalui jualan langsung kepada pembeli. Cara ini ada beberapa kelebihan yang mana ianya dapat mengurangkan kos pengeluaran sesuatu produk. Ini kerana pengusaha atau petani tersebut tidak perlu menggunakan orang tengah atau agen penjual produk mereka. Mereka juga haruslah mengadakan kerjasama berkumpulan diantara petani-petani yang berhampiran atau sama produk.

Selain itu, tidak ramai diantara petani yang membuat iklan seperti papan tanda, poster dan lain-lain lagi untuk mempromosikan produk pertanian mereka iaitu 13.3% sahaja yang melakukannya. Jika kita melihat kepada pendapat Gough dan Stephen Hill (1979), bidang pengiklanan berkembang pesat dan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi. Ini adalah kerana iklan berupaya menarik perhatian pelanggan terhadap barang dan seterusnya dapat meningkatkan permintaan. Pengiklanan boleh mendatangkan banyak kesan yang positif terhadap banyak pihak seperti pengeluar, usahawan, peniaga, pemborong dan sebagainya. Jika para petani ini mempunyai kesedaran tentang kelebihan promosi untuk memasarkan produk pertanian mereka, sudah tentu mereka akan sanggup meluangkan masa mereka ke arah kaedah pemasaran seperti ini.

Secara kesimpulannya, strategi pemasaran produk adalah amat penting dalam sesuatu perniagaan dan perusahaan. Jika seseorang usahawan itu tidak menggunakan peluang sedia ada dengan strategi pemasaran yang baik, mereka mungkin akan kehilangan pelanggan dan mengalami kerugian yang banyak.

Para usahawan tani juga perlulah mencari peluang-peluang yang baik dalam memasarkan produk mereka. Mereka haruslah mengenalpasti pesaing mereka dan membuat promosi tentang produk yang dijual samada dengan kaedah iklan poster, membuka kiosk dan gerai sendiri. Jika kita melihat kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh para usahawan tani ini, mereka masih berada di tahap yang rendah dan perlulah berusaha dengan lebih gigih lagi dalam mencari peluang pemasaran produk mereka.

Persoalan Kajian Kelima : Tahap keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh penduduk kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian mengikut umur?

Setelah analisis dijalankan, penyelidik mendapati bahawa tahap keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh penduduk kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian mengikut umur adalah kesemuanya berada di tahap yang rendah. Akan tetapi respon yang tertinggi sekali ialah petani yang berumur 41-50 tahun iaitu mencatatkan sebanyak 24.5% berbanding respon kedua tertinggi adalah yang berumur 31-40 tahun iaitu sebanyak 10.2%. Jika kita bandingkan golongan petani yang berumur 41-50 tahun dengan peratusan petani yang berumur 51 tahun ke atas, mereka yang berumur 51 tahun ke atas ini adalah sedikit responnya kerana mungkin disebabkan umur mereka yang sudah tua dan tidak berupaya lagi untuk bekerja keras.

Umur yang sudah tua dapat memberikan kesan kepada penghasilan produk kerana jika usaha-usaha yang dijalankan itu kurang maka produk yang dapat dihasilkan juga adalah sedikit. Jika umur petani sedang matang iaitu diantara 41-50 tahun, maka penghasilan produk pertanian mereka mungkin akan meningkat akibat daripada usaha-usaha yang lebih banyak dilakukan. Ini menunjukkan umur adalah berkadar songsang dengan penghasilan produk. Semakin meningkat umur, semakin kurang kualiti produk.

Jika kita melihat pada peratusan umur 21-30 tahun, hanya 4.4% sahaja respon yang dapat diberikan terhadap usaha-usaha yang dilakukan dalam bidang pertanian mereka. Ini juga menunjukkan kekurangan ilmu kemahiran dan pengalaman dalam bidang pertanian telah menyebabkan mereka kurang berusaha dalam bidang yang diceburi itu. Oleh yang demikian, mereka haruslah sedar dan membuka minda untuk bertindak dengan lebih agresif dalam mengusahakan bidang pertanian yang diceburi itu.

Secara kesimpulannya, tahap keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh penduduk kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian mengikut umur 41-50 tahun adalah rendah mengikut Kriteria Penilai Skor yang dikaji oleh Majid Konting (1990). Akan tetapi julat umur tersebut adalah ideal dan tertinggi di dalam kelompoknya dengan mencatatkan 24.5% berbanding julat umur yang lain. Ini juga membuktikan, para petani yang berumur 41-50 tahun mempunyai pemikiran yang kreatif, membina, berdaya saing dan bersunguh-sungguh dalam melakukan bidang pertanian mereka.

Rumusan

Kajian ini berobjektifkan kepada lima aspek penting yang boleh dikenalpasti bagi mengetahui tahap keberkesanan para usahawan tani di sekitar kampung-kampung di daerah Segamat, Johor. Objektif yang pertama adalah penyelidik ingin mengenalpasti tahap keberkesanan dalam pengurusan kewangan oleh penduduk kampung Segamat, Johor dalam meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian. Ini bertujuan untuk mengetahui sama ada para usahawan tani di kawasan kampung mempunyai pengurusan kewangan ataupun tidak. Objektif yang kedua ialah penyelidik ingin mengenalpasti tahap keberkesanan dalam penggunaan teknologi di bidang pertanian yang mereka jalankan. Ini adalah penting kerana setiap bidang pertanian yang dilakukan terutamanya yang bersaiz besar perlu mempunyai teknologi yang terkini dan efektif. Akan tetapi pengkaji juga ingin melihat sama ada mereka masih lagi menggunakan teknologi yang tradisional tetapi masih lagi efektif untuk digunakan iaitu seperti parang, cangkul dan gunting.

Objektif ketiga dan keempat ialah pengkaji ingin mengetahui tahap keberkesanan dalam latihan yang diikuti dan tahap keberkesanan dalam strategi pemasaran produk pertanian. Ini penting kerana beramal tanpa ilmu ibarat orang buta yang menunjukkan jalan kepada orang lain dan berilmu tanpa amal ibarat orang yang celik tetapi seolaholah tidak mempunyai tangan untuk membuat kerja.

Para usahawan tani berkemungkinan besar dapat meningkatkan produktiviti mereka dengan ilmu yang dipelajari melalui kursus-kursus dan mengamalkan apa yang dipelajari dari kursus-kursus tersebut ke dalam bidang yang dilakukan. Objektif yang kelima adalah pengkaji ingin mengetahui golongan manakah yang paling cenderung ke arah bidang pertanian. Ini adalah kerana kita sering melihat golongan muda sukar didapati di dalam sektor pertanian dan lebih-lebih lagi di dalam bidang usahawan tani.

Setelah kita melihat dengan lebih terperinci dalam bab-bab sebelum ini dapatlah kita rumuskan bahawa bidang pertanian ini adalah salah satu bidang yang sangat berpotensi dalam meningkatkan pendapatan masyarakat di Malaysia. Pertanian juga adalah salah satu sektor yang banyak membantu perkembangan ekonomi di Malaysia. Ini juga telah terbukti sejak tahun 1957 yang mana sektor ini telah menyumbang sebanyak 46% sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Masyarakat kita sering dimomokkan dengan berpendapat bahawa sector pertanian atau menjadi petani ini adalah salah satu pekerjaan yang tidak mempunyai masa hadapan yang cerah. Golongan petani juga sering dilabelkan oleh masyarakat sebagai sektor untuk pekerja-pekerja pencegah, golongan yang kurang berpelajaran atau malas belajar dan untuk warga emas sahaja. Kebanyakan masyarakat kita kini sering berfikiran sempit dan jumud tentang sektor pertanian. Mereka hanya melihat kepada aspek luaran sahaja yang mana kelihatan petani-petani ini berpakaian buruk dan kotor. Mereka hanya memandang kepada pekerjaan yang mempunyai kod etika berpakaian yang mana memakai pakaian yang baik dan mahal ketika bekerja dan menganggap pekerjaan seperti itu mempunyai kelas yang tinggi di dalam masyarakat.

Selain daripada itu, terdapat juga sebahagian dari pada kita yang tidak kisah tentang kod etika berpakaian ketika bekerja tetapi mereka hanya lebih mengutamakan rezeki yang diperolehi melalui bidang yang dikerjakan. Golongan ini adalah golongan petani dan peladang yang berusaha gigih, tidak kenal erti penat dan lelah, berpeluh-peluh ditengah-tengah terik matahari yang panas semata-mata untuk mendapatkan hasil dari bidang pertanian.

Bidang pertanian adalah salah satu bidang perniagaan. Itulah yang telah menjadi moto Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. "Pertanian Adalah Perniagaan" membawa maksud bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan terus memartabatkan dan menggandakan usaha untuk membangunkan sektor ini sehingga para pengusahaannya memperolehi pendapatan yang tinggi dan lumayan. Mereka telah mensasarkan setiap petani dan peladang mesti memperolehi pendapatan purata bersih tidak kurang daripada RM2000 sebulan. Ini telah menjadikan sektor pertanian ini adalah salah satu sektor yang mempunyai potensi besar dalam menggandakan pendapatan penduduk di Malaysia.

Dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa sebanyak 23.3% penduduk kampung yang ditemui telah mencapai jumlah purata pendapatan sebulan dalam lingkungan RM1501-RM2000 sebulan. Ini juga telah menunjukkan bekerja sebagai seorang petani tidaklah jatuh ke tahap miskin kerana julat pendapatan seperti ini tidaklah menjadi beban kepada petani yang tinggal di kawasan kampung. Ini kerana kawasan kampung tidak mempunyai taraf hidup yang tinggi dan semua barang makanan basah seperti sayur, ikan, daging dan lain-lain lagi boleh didapati dengan murah dan mungkin ianya dijual oleh sesama petani itu sendiri.

Kajian juga menunjukkan semua petani yang dijumpai adalah telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai anak tanggungan sekurang-kurangnya dua orang anak. Kebanyakan petani-petani di kampung daerah Segamat, Johor mengusahakan sayursayuran dan hanya sebilangan kecil sahaja yang

mengusahakan buah-buahan. Petani yang mengusahakan kebun sayur-sayuran telah memberitahu bahawa purata pendapatan mereka adalah RM1501-RM2000 sebulan dan petani yang menusahakan kebun buah-buahan seperti durian, rambutan, duku, langsat, cempedak dan pulasan memperolehi pendapatan yang sedikit iaitu kurang daripada RM1000 sebulan. Golongan majority petani-petani yang ditemui ialah golongan dewasa dan tua yang rata-rata umurnya 41-50 tahun. Ini juga telah menunjukkan bahawa golongan muda di zaman ini kurang tertarik minatnya kepada bidang pertanian ini. Hanya segelintir sahaja iaitu sebanyak 6.7% golongan muda yang umurnya dalam lingkungan 21-30 tahun terlibat dalam sektor pertanian ini.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keberkesanan program latihan pertanian dan strategi pemasaran adalah berada di tahap yang rendah. Tetapi, tahap keberkesanan pengurusan kewangan dan penggunaan teknologi berada di tahap yang sederhana.

Rujukan

- Abdul Ghaffar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia
- Abd Aziz Mahmud (1977), *Malay Entrepreneurship in Development*, Tesis PhD, University of South California.
- Abdul Aziz Yusuf (2001). *Usahawan Dan Keusahawanan : Satu Penilaian* . Petaling Jaya : Prentice Hall-Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdullah, R (1996). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur Utusan Publishing And Distributions.
- Ali, J. (2003). *Ekonomi Malaysia : Satu Analisis Dasar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ali, J. & Ismail, I. (1991) . *Prinsip Dan Amalan Pengurusan* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Beare, Helen. (1993). *How To Avoid Business Failure*. London: Sheldon Press.
- Burth, R.S (1972), *Open Education Assumptions About Children, Learning And Knowledge*. dalam Robert Hunter, Elinos A. Scheirer (1993). *The Organic Curriculum*, Philadelphia : Open University Press.
- Burton, L. DeVere. (2007). *Agriscience: Fundamentals & Applications*. New York: Thomson Delmar Learning.
- Cates, M.W. (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidikan*. Diterjemahkan oleh Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Joon Eng (1987). *Management of Business*. Edisi Keempat. Singapore : Mc Graw-Hill Book Company
- Dewan Bahasa dan Pustaka.(1997). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gough, Julian dan Hill, Stephen (1979). *Fundamentals of Managerial Economics*. Edisi Pertama. London and Basingstoke : The Macmillan Press Ltd.
- Grigg D.B. (1974). *The Agricultural Systems of the World*. Great Britain: Cambridge University Press.

- Hanson, J.L. (1970). *Monetary Theory And Practice*. Edisi Keempat. London : McDonald and Evans, Ltd.
- Herren, Ray V. (2006). *Exploring agriscience*. New York: Thomson Delmar Learning.
- Herzberg F.B. Mausner (1959). *The Motivation To Work*. New York: John Wiley And Son
- Hisrich R.D. (1995). *Entrepreneurship : Starting, Developing And Managing A New Enterprise*. Irwin Publishing : Boston
- Hj. Yaacob, M. F. (1981). *Peniaga Dan Perniagaan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka